



IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA,
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA,
(CAWANGAN TEKNOLOGI MAKLUMAT)
ARAS 5 UTARA, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 3, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 2,
62596 PUTRAJAYA, MALAYSIA.



No. Tel : 03 - 88822100
No. Fax : 03 - 88822597
E - Mail : kastam@customs.gov.my

Ruj. Kami : KE.HK (-)646/04-1 (1)
Tarikh : 11 Jun 2013

Semua Pengarah Ibu Pejabat

Semua Pengarah Kastam Negeri

Pengarah Kastam, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Pengarah Kastam, Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah AKMAL

Pemungut Cukai Kastam Persekutuan, Singapura

SURAT PEKELILING ICT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2013

GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA MEMOHON KELULUSAN PROJEK ICT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

TUJUAN

Surat Pekeliling ICT ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua warga JKDM bagi tatacara memohon kelulusan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini adalah selaras dengan langkah Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JKDM dalam memperkukuhkan lagi tadbir urus projek ICT di JKDM.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009 -"Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan" pada 30 April 2009. Surat Pekeliling tersebut adalah sebagai garis panduan kepada agensi-agensi Kerajaan untuk mendapatkan kelulusan dari segi teknikal bagi perolehan projek ICT daripada Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang berurus setia di MAMPU.

3. Selaras dengan surat pekeling tersebut, Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Projek ICT JKDM ini disediakan sebagai rujukan untuk seluruh warga JKDM mengenai tatacara memohon kelulusan projek ICT bagi peringkat jabatan.

4. JPICT JKDM merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JKDM dan stesen-stesen JKDM bagi perolehan sistem, perkakasan, perisian dan rangkaian ICT.

5. Permohonan projek ICT yang telah diluluskan melalui jawatankuasa ini seterusnya akan dikemukakan ke JPICT Kementerian Kewangan (MoF) dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang bertempat di MAMPU berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan.

KANDUNGAN GARIS PANDUAN

6. Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Projek ICT JKDM menyediakan panduan dalam perkara-perkara berikut:

- a) Keahlian Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT);
- b) Skop projek ICT yang memerlukan kelulusan JPICT;
- c) Tatacara permohonan kelulusan JPICT;
- d) Kekerapan mesyuarat JPICT;
- e) Pelaporan kemajuan projek yang diluluskan oleh JPICT JKDM, JPICT MoF dan JTICT MAMPU; dan
- f) Tempoh sah laku kelulusan JPICT.

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN/STESEN


7. Semua bahagian/stesen di bawah JKDM adalah dikehendaki mematuhi Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Projek ICT JKDM.

TARIKH KUATKUASA

8. Surat Pekeliling ICT ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI KHAZALI BIN HAJI AHMAD)
Ketua Pengarah Kastam
Malaysia.

s.k.

TKPK (Penguatkuasaan/Pematuhan)
TKPK (Perkastaman/Cukai Dalam Negeri)
TKPK (Pengurusan)
Pen. KPK (Bahagian Penguatkuasaan)



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA MEMOHON KELULUSAN PROJEK ICT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)



Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Kementerian Kewangan

Jun 2013

Dikelilingkan kepada

Semua Pengarah Ibu Pejabat

Semua Pengarah Kastam Negeri

Pengarah Kastam, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Pengarah Kastam, Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah AKMAL

Pemungut Cukai Kastam Persekutuan, Singapura



KANDUNGAN	MUKASURAT
1. TUJUAN	1
2. LATARBELAKANG	1
3. KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)	1
4. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT	2
5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN JPICT	3
6. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT JKDM	5
7. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT JKDM, JPICT MoF DAN JTICT MAMPU	5
8. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT	5
9. PENUTUP	6
10. RUJUKAN	6



LAMPIRAN		MUKA SURAT
Lampiran A	Bidang Rujukan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JKDM	7
Lampiran B	Kertas Cadangan Bagi Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT JPICT JKDM	9
Lampiran C	Slaid Pembentangan Bagi Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT JPICT JKDM	13
Lampiran D	Kertas Cadangan Bagi Permohonan Kelulusan JPICT MoF/JTICT MAMPU	15
Lampiran E	Slaid Pembentangan Bagi Permohonan Kelulusan JPICT MoF/JTICT MAMPU	21
Lampiran F	Ringkasan Penentuan Peringkat Kelulusan Berdasarkan Had Nilai Projek ICT	22
Lampiran G	Laporan Projek ICT Yang Diluluskan Diperingkat JPICT Agensi	23



1. TUJUAN

Dokumen ini bertujuan untuk memberi garis panduan kepada semua warga JKDM bagi tatacara memohon kelulusan projek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Ini adalah selaras dengan langkah Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JKDM dalam memperkukuhkan lagi tadbir urus Projek ICT di JKDM.

2. LATAR BELAKANG

2.1 JPICT JKDM merupakan sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang dan meluluskan permohonan kelulusan teknikal projek ICT daripada bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JKDM dan stesen-stesen JKDM bagi perolehan sistem, perkakasan, perisian dan rangkaian ICT.

2.2 Permohonan projek ICT yang telah diluluskan melalui jawatankuasa ini seterusnya akan dikemukakan ke JPICT Kementerian Kewangan (MoF) dan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) yang bertempat di MAMPU berdasarkan had nilai yang telah ditetapkan.

3. KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)

Keahlian JPICT adalah seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Ahli-ahli :

- (a) Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Kastam
- (b) Penolong Ketua Pengarah Kastam
- (c) Pengarah-pengarah Ibu Pejabat
- (d) Timbalan Pengarah Cawangan Teknologi Maklumat (CTM)
- (e) Ketua-ketua Unit CTM

Urus Setia :CTM Ibu Pejabat

3.2 Senarai keahlian JPICT dan bidang tugas adalah seperti di **Lampiran A**. Bidang tugas ini adalah berdasarkan bidang rujukan seperti yang dijelaskan dalam Surat Pekeliling Am (SPA) 1/2009.

3.3 Ahli boleh menamakan seorang pegawai yang dilantik sebagai ahli ganti.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	1 daripada 25



4. SKOP PROJEK ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN JPICT

Skop projek ICT yang perlu mendapatkan kelulusan JPICT adalah seperti berikut:

4.1 Projek Baru

Projek baru bermaksud projek pengkomputeran yang melibatkan salah satu **atau** gabungan aktiviti-aktiviti perolehan perkakasan, perisian dan/atau perkhidmatan ICT, untuk membangunkan projek ICT Jabatan.

(i) **Pembangunan sistem aplikasi** adalah sistem aplikasi yang dibangunkan dengan menggunakan perisian pembangunan ataupun pakej sedia ada (*off-the-shelf*) untuk kegunaan tertentu dan seumpamanya (contoh: Sistem Perakaunan, Sistem Personel, Sistem Pengurusan Inventori).

(ii) **Perkakasan komputer** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis alat-alat input/output (contoh: pencetak, pengimbas), pemprosesan, storan data, peralatan rangkaian dan multimedia (contoh: persidangan video (*video conferencing*)) kecuali alat-alat seperti komponen alat ganti, barang pakai habis (*consumable item*), aksesori dan perabot komputer.

(iii) **Perisian komputer** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem dan perisian aplikasi. Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi atau automasi pejabat adalah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian.

(iv) **Perkhidmatan ICT** yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Di antara contoh-contoh perkhidmatan teknikal ialah pembangunan sistem, pemasangan sistem, infrastruktur rangkaian, talian Internet, *web hosting*, kemasukan data, pemindahan data, migrasi sistem, pemulihan data, langganan maklumat atas talian dan seumpamanya. Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan seperti langganan maklumat atas talian, talian Internet dan *web hosting* yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon kelulusan teknikal JPICT bagi perkhidmatan seterusnya.

4.2 Peningkatan Sistem

Peningkatan sistem bermaksud mempertingkatkan keupayaan perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh adalah seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi-fungsi di dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik,

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	2 daripada 25



peningkatan saiz jalur lebar (*bandwidth*) serta peluasan rangkaian, pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

4.3 Pertambahan Peralatan

Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana- mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.

4.4 Perluasan Sistem

Perluasan (*roll-out*) sistem bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT daripada lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama ataupun kedua-duanya sekali.

5. TATACARA PERMOHONAN KELULUSAN JPICT

5.1 Semua permohonan perolehan Projek ICT perlu dikemukakan kepada Urusetia JPICT JKDM bagi mendapatkan kelulusan JPICT JKDM. Dokumen yang perlu dikemukakan bagi permohonan perolehan Projek ICT adalah seperti berikut:

- i) Kertas cadangan; dan
- ii) Slaid pembentangan

5.2 Permohonan Projek ICT sama ada yang melibatkan pembangunan Sistem Aplikasi atau tidak melibatkan pembangunan Sistem Aplikasi yang bernilai kurang daripada RM 50,000 boleh dipertimbangkan kelulusan secara luar mesyuarat.

5.3 Skop dan had nilai projek ICT yang memerlukan kelulusan JPICT adalah seperti berikut:

(a) Permohonan Projek ICT yang MELIBATKAN pembangunan Sistem Aplikasi:

- i. Semua projek ICT yang bernilai hingga RM50,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM sahaja dan kelulusan boleh dipertimbangkan secara luar mesyuarat (Format seperti di Lampiran B dan Lampiran C hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	3 daripada 25



- ii. Semua projek ICT yang bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM200,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM sahaja (Format seperti di Lampiran B dan Lampiran C hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);
- iii. Semua projek ICT yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM dan akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT MoF (Format seperti di Lampiran D dan Lampiran E hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);dan
- iv. Hanya projek ICT yang bernilai melebihi RM500,000 dan telah diluluskan oleh JPICT MoF akan dikemukakan untuk kelulusan teknikal JTICT MAMPU.

**(b) Permohonan Projek ICT yang TIDAK MELIBATKAN
Pembangunan Sistem Aplikasi:**

- i. Semua projek ICT yang bernilai hingga RM50,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM sahaja dan kelulusan boleh dipertimbangkan secara luar mesyuarat (Format seperti di Lampiran B dan Lampiran C hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);
- ii. Semua projek ICT yang bernilai melebihi RM50,000.00 hingga RM500,000.00 hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM sahaja (Format seperti di Lampiran B dan Lampiran C hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);
- iii. Semua projek ICT yang bernilai melebihi RM500,000.00 hingga RM3 juta hendaklah mendapat kelulusan daripada JPICT JKDM dan akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan teknikal daripada JPICT MoF (Format seperti di Lampiran D dan Lampiran E hendaklah dijadikan panduan di dalam menyediakan kertas cadangan dan slaid permohonan);dan
- iv. Hanya projek ICT yang bernilai melebihi RM3 juta dan telah diluluskan oleh JPICT MoF akan dikemukakan untuk kelulusan teknikal JTICT MAMPU.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	4 daripada 25



- 5.4 Secara ringkasnya, penentuan peringkat kelulusan berdasarkan had nilai projek ICT adalah seperti **Lampiran F** yang disertakan.
- 5.5 Bagi projek-projek yang dibangunkan tanpa kos (iaitu dibangunkan secara in-house) atau diperolehi melalui perkongsian pintar, projek-projek berkenaan hendaklah dimaklumkan semasa mesyuarat JPICT JKDM.
- 5.6 Semua perolehan ICT yang telah diluluskan di peringkat JPICT JKDM dan memerlukan kelulusan teknikal JPICT MoF dan/atau JTICT di MAMPU hendaklah dikemukakan melalui Urus Setia JPICT JKDM.

6. KEKERAPAN MESYUARAT JPICT JKDM

JPICT JKDM akan mengadakan mesyuarat dengan kekerapan minimum **4 kali dalam satu tahun**. Semua permohonan hendaklah dimaklumkan selewat-lewatnya 3 minggu sebelum tarikh mesyuarat dan diterima **2 minggu sebelum tarikh mesyuarat** dijadualkan.

7. PELAPORAN KEMAJUAN PROJEK YANG DILULUSKAN OLEH JPICT JKDM, JPICT MoF DAN JTICT MAMPU

- 7.1 Secara keseluruhannya, Projek ICT yang diluluskan akan dipantau oleh JPICT JKDM, JPICT MoF dan JTICT MAMPU.
- 7.2 Untuk projek-projek yang diluluskan di peringkat JPICT JKDM/JPICT MoF/JTICT MAMPU, laporan kemajuan hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia JPICT JKDM pada setiap suku tahun mengikut format seperti di **Lampiran G**.
- 7.3. Untuk projek-projek yang telah diluluskan oleh JPICT MoF, Urusetia JPICT JKDM perlu mengemukakan laporan kemajuan projek kepada Urus Setia JPICT MoF setiap suku tahun.
- 7.4. Untuk projek-projek yang telah diluluskan oleh JTICT MAMPU, Urusetia JPICT MoF akan membuat pelaporan secara berkala pada setiap 6 bulan kepada pihak MAMPU.

8. TEMPOH SAH LAKU KELULUSAN JPICT

Tempoh sah laku kelulusan JPICT adalah selama tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan. Sekiranya projek yang diluluskan tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut, bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JKDM dan stesen-stesen JKDM hendaklah memohon semula kelulusan JPICT JKDM sebelum melaksanakan projek ICT tersebut.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	5 daripada 25



9. PENUTUP

Semua bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JKDM dan stesen-stesen JKDM hendaklah mematuhi garis panduan ini di dalam memohon kelulusan teknikal perolehan ICT daripada JPICT JKDM.

10. RUJUKAN

- Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2000: Peranan Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah JITIK.
- Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2009: Garis Panduan Mengenai Tatacara Memohon Kelulusan Teknikal Projek ICT Agensi Kerajaan.
- Pindaan Kepada Surat Pekeliling Am Bil.11 Tahun 2008 Mengenai Had Nilai Projek ICT Yang Memerlukan Kelulusan Teknikal JTICT/JPICT Bagi Permohonan Yang Tidak Melibatkan Pembangunan Sistem Aplikasi.
- Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2009: Perubahan Had Nilai dan Tatacara Pengurusan Perolehan secara Sebut Harga.
- Garis Panduan Berkaitan Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Kewangan (JPICT)
- Sebarang pekeling berkaitan had nilai perolehan yang dikeluarkan dari masa ke semasa

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	6 daripada 25



LAMPIRAN A

BIDANG RUJUKAN JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT) JKDM

1) KEAHLIAN

Pengerusi : Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Ahli Jawatankuasa:

Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan/Pematuhan)

Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Perkastaman/Cukai Dalam Negeri)

Timbalan Ketua Pengarah Kastam
(Pengurusan)

Penolong Ketua Pengarah Kastam
(Penguatkuasaan)

Pengarah-Pengarah Bahagian

Timbalan Pengarah CTM

Ketua-ketua Unit CTM

2) BIDANG TUGAS

- (i) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pelaksanaan ICT Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (ii) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT jabatan;
- (iii) Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT Jabatan supaya selaras dengan Pelan Strategik ICT jabatan;
- (iv) Menyelaras dan menyeragamkan pelaksanaan ICT Jabatan selaras dengan Pelan Strategik ICT Jabatan;
- (v) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT dalam Jabatan;
- (vi) Merancang dan menentukan langkah-langkah keselamatan ICT;

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	7 daripada 25



LAMPIRAN A

- (vii) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT Jabatan serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pelaksanaan ICT;
- (viii) Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT Jabatan berdasarkan kepada keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
- (ix) Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT bagi Jabatan kepada Urus Setia JPICT untuk kelulusan;
- (x) Mengemukakan laporan projek ICT Jabatan yang diluluskan; dan
- (xi) Mengemukakan laporan kemajuan projek ICT Jabatan yang telah diluluskan oleh JPICT kepada Urus Setia JPICT mengikut tempoh-tempoh yang telah ditetapkan.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	8 daripada 25



LAMPIRAN B

**KERTAS CADANGAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN TEKNIKAL
PROJEK ICT JPICT JKDM**

TAJUK: <NAMA PROJEK>

1.0 TUJUAN

Kertas cadangan ini adalah bertujuan untuk memohon kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi <Nama Projek>.

2.0 LATAR BELAKANG

Bahagian/Stesen hendaklah menerangkan bagaimana timbulnya cadangan projek ini.

3.0 RASIONAL YANG MEMBAWA KEPADA CADANGAN PROJEK ICT

3.1 Nyatakan rasional bagi cadangan projek seperti:

- (i) Keperluan baru; (sila nyatakan juga bilangan pertambahan perjawatan)
- (ii) Masalah perkakasan; (sila nyatakan bilangan perkakasan yang rosak)
- (iii) Masalah perisian;
- (iv) Masalah/kekurangan sistem aplikasi; atau
- (v) Masalah penyelenggaraan.

4.0 CADANGAN PROJEK ICT

4.1 Keterangan Projek

- (i) Nama:
- (ii) Objektif :
- (iii) Tempoh:
- (iv) Arkitektur atau gambarajah projek yang dicadangkan (jika berkaitan):

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	9 daripada 25



LAMPIRAN B

4.2 Ciri-ciri Projek Yang Dicadangkan

Sila nyatakan ciri-ciri projek yang dicadangkan seperti:

- (i) Spesifikasi perkakasan dan perisian;
- (ii) Jadual agihan perkakasan atau perisian; atau
- (iii) Lain-lain yang difikirkan berkaitan.

4.3 Perolehan Yang Dicadangkan

Senarai perolehan yang dicadangkan adalah seperti di **Jadual 1: Senarai Perolehan ICT Yang Dicadangkan**.

4.4 Pelan Pelaksanaan

4.4.1 Jadual Pelaksanaan

Sila nyatakan jadual bagi pelaksanaan projek iaitu aktiviti terlibat, tarikh mula aktiviti, tarikh tamat aktiviti dan tempoh pelaksanaan aktiviti.

4.4.2 Kaedah Perolehan

Nyatakan kaedah perolehan projek sama ada secara pembelian terus, sebutharga atau tender.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	10 daripada 25



LAMPIRAN B

4.5 Anggaran Kos dan Sumber Peruntukan Untuk Membiayai Projek

4.5.1 Kos perolehan dianggarkan sebanyak RM xxx,xx.xx.

4.5.2 Sumber peruntukan: Anggaran Belanjawan Pembangunan/
Anggaran Belanja Mengurus.

5.0 FAEDAH-FAEDAH PROJEK YANG DICADANGKAN

Nyatakan faedah projek yang dicadangkan.

6.0 MAKLUMAT PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Nama Pegawai Penyelaras :

Jawatan :

No. Telefon :

No. Faks :

Alamat E-mel :

Tarikh :

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	11 daripada 25



LAMPIRAN B

Tajuk Permohonan:

BIL.	ITEM	JUMLAH UNIT YANG DIPERLUKAN	KOS PER UNIT (RM)	JUMLAH ANGGARAN KOS (RM)	% JUMLAH KOS
A	PERKAKASAN				
B	PERISIAN				
C	SERVIS DAN KHIDMAT SOKONGAN TEKNIKAL				
D	LAIN-LAIN				
	JUMLAH :				

Jadual 1: Senarai Perolehan ICT Yang Dicadangkan

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	12 daripada 25



LAMPIRAN C

**SLAID PEMBENTANGAN BAGI PERMOHONAN
KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT JPICT JKDM**

BIL	PERKARA	SLAID
1	Pengenalan Projek	1 slaid
	1.1 Nama Bahagian/Stesen	
	1.2 Nama Projek	
2	Tujuan Dan Skop Projek	1 slaid
	2.1 Objektif Projek	
	2.2 Skop Projek	
3	Latarbelakang Projek	1 slaid
	3.1 Penerangan bagaimana timbulnya cadangan projek	
4	Justifikasi Projek	1 slaid
	4.1 Penerangan berkenaan sebab dan rasional kenapa projek perlu dilaksanakan	
5	Keterangan Projek	1 slaid
	5.1 Spesifikasi (contoh: spesifikasi perkakasan yang berkaitan)	
	5.2 Senarai modul pembangunan sistem (jika berkaitan)	
	5.2 Senarai agihan (jika berkaitan)	
6	Kos Projek	1 slaid
	6.1 Kos Keseluruhan	
	6.2 Perincian Kos (sila rujuk Jadual 1: Senarai Perolehan ICT Yang Dicapadangkan di dalam Kertas Cadangan Bagi Permohonan Kelulusan Teknikal Projek ICT JPICT JKDM)	
7	Tempoh Dan Jadual Pelaksanaan Projek	Maksimum 2 slaid
	7.1 Tempoh Pelaksanaan Projek	
	7.2 Jadual Pelaksanaan Projek	
8	Kaedah Perolehan dan Sumber Peruntukkan Projek	1 slaid
	8.1 Kaedah Perolehan Projek (sama ada secara pembelian terus, sebutharga atau tender)	
	8.2 Sumber Peruntukkan (sama ada Anggaran Belanjawan Pembangunan/ Anggaran Belanja Mengurus)	

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	13 daripada 25



LAMPIRAN C

BIL	PERKARA	SLAID
9	Faedah Projek	1 slaid
9.1	Penerangan berkenaan faedah-faedah yang diperolehi jika projek dilaksanakan	
10	Maklumat Penurunan Projek	1 slaid
10.1	Nyatakan maklumat berikut:- i. Nama Pegawai Penyelaras ii. Jawatan Pegawai Penyelaras iii. No. Telefon iv. No. Faks v. Alamat E-mel	

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	14 daripada 25



LAMPIRAN D

**KERTAS CADANGAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN JPICT
MoF/JTICT MAMPU**

Permohonan yang dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara yang ditetapkan dalam format Kertas Permohonan seperti di bawah.

1. Tujuan kertas kerja
2. Nyatakan sama ada permohonan telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemandu ICT Peringkat Jabatan. (Sertakan dokumen sokongan seperti surat kelulusan atau pun minit mesyuarat).
3. Peranan dan fungsi utama organisasi dan kaitannya dengan perolehan ICT yang dicadangkan. Terangkan bagaimana projek ICT dapat menyumbang kepada BisnesTeras (Core Business) Jabatan.
4. Pelan Strategik ICT (ISP) Jabatan
 - 4.1. (Diisi oleh Agensi Yang Telah Menghantar ISP ke MAMPU)
 - 4.1.1. Nyatakan sama ada projek yang dipohon terkandung didalam ISP. Jika tiada, nyatakan sebabnya.
 - 4.2. (Diisi oleh Agensi Yang Belum Menghantar ISP ke MAMPU)
 - 4.2.1. Maklumat Pelan Strategik ICT
 - (a) Status ISP (Dalam Perancangan / Penyediaa)
 - (b) Tarikh Dijangka Siap
 - 4.2.2. Arah tuju dan status semasa program ICT
 - 4.2.3. Sumber ICT sedia ada
 - (a) Perkakasan
 - (b) Perisian
 - (c) Infrastruktur rangkaian komunikasi
 - (d) Sistem aplikasi yang digunakan
 - (e) Jumlah personel ICT termasuk kekosongan
5. Rasional yang membawa kepada cadangan projek ICT

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	15 daripada 25



LAMPIRAN D

5.1 Keperluan baru, perluasan (roll-out) atau memperbaiki proses atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi. (Sertakan penerangan mengenai proses yang terlibat).

5.2 Masalah perkakasan

5.3 Masalah perisian

5.4 Masalah / kekurangan sistem aplikasi

5.5 Masalah penyelenggaraan

6. Cadangan Projek ICT

6.1 Keterangan projek/cadangan penyelesaian

- (a) Nama
- (b) Objektif
- (c) Fungsi
- (d) Tempoh
- (e) Arkitektur atau gambarajah projek yang dicadangkan mengikut kesesuaian

6.2 Ciri-ciri projek yang dicadangkan

Agensi hendaklah memperincikan ciri-ciri projek yang dicadangkan berdasarkan jenis-jenis projek ICT (sila rujuk **Jadual 1: Keterangan Ciri-Ciri Mengikut Jenis Projek**).

6.3 Perolehan yang dicadangkan (sila rujuk **Jadual 2: Senarai Perolehan ICT Yang Dicadangkan**)

Agensi hendaklah mengambil kira keperluan dari segi pengagihan sebenar perkakasan seperti PC, notebook, pencetak dan lain-lain untuk mengelakkan pembaziran.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	16 daripada 25



LAMPIRAN D

- 6.4 Bagi jenis projek Perkhidmatan seperti melibatkan pembangunan sistem, hendaklah disertakan dengan anggaran *man-days*. Contoh pengiraan *man-days* adalah seperti di bawah:

Bil.	Perkhidmatan	Per-man-days (hari x anggaran kos)	Jumlah (RM)
1.	Sistem X		
	• Modul A	10 x RM1,200	12,000
	• Modul B	5 x RM1,200	6,000
	Jumlah		18,000

- 6.5 Pelan Pelaksanaan

(a) Jadual Pelaksanaan

Jadual pelaksanaan disediakan dalam bentuk Carta Gantt dan mengandungi perincian bagi setiap fasa dan komponen berserta dengan anggaran tempoh mengikut minggu / bulan. Jadual tersebut juga perlu memasukkan komponen bagi perekaayaan proses (*process reengineering*), pengurusan perubahan (*change management*) dan pemindahan teknologi (*transfer of technology*). Jika berkaitan.

(b) Aspek-aspek keselamatan ICT

Kaedah pelaksanaan (menggunakan sumber dalaman atau pun perkhidmatan pihak luar).

- 6.6 Anggaran kos dan sumber peruntukan untuk membiayai projek dan pecahan kos mengikut butiran.

7. Faedah jangka pendek dan jangka panjang projek ICT yang dicadangkan. (Nyatakan petunjuk-petunjuk prestasi atau *deliverables* yang dijangka akan dicapai, jika sesuai)

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	17 daripada 25



LAMPIRAN D

8. Maklumat Pegawai Untuk Dihubungi

- 8.1 Nama Pegawai iPenyelaras
- 8.2 Jawatan
- 8.3 GredJawatan
- 8.4 No.Telefon
- 8.5 No.Faks
- 8.6 Alamate-mel

Format Kertas Kerja

- Font : Arial
- Saiz Font : 12
- Line Spacing : 1.15–1.5

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	18 daripada 25



LAMPIRAN D

A. PROJEK BARU

Perkakasan/ Perisian	Aplikasi	Perkhidmatan	Infrastruktur (Rangkaian)
1. <i>Compliance to open standards</i> 2. Justifikasi ringkas setiap perkakasan/perisian yang diperoleh 3. Kesesuaian spesifikas dengan matlamat penggunaan 4. (<i>Scalability—start small, expand when needed</i>) 5. Kesesuaian konfigurasi (<i>should be able to sustain application requirement for a certain period of time</i>) 6. Bilangan unit diperlukan berbanding perjawatan 7. Galakkan perkongsian perkakasan 8. Nisbah pegawai kepada perkakasan (1:1) bagi PC atau notebook 9. Senarai agihan perkakasan/perisian 10. Tindakan pelupusan bagi perkakasan yang hendak diganti telah diambil	1. <i>Compliance to open Standards</i> 2. Arkitektur dan gambarajah skema aplikasi 3. Senarai modul aplikasi 4. Mematuhi kitar hayat pembangunan sistem 5. Platform yang dicadangkan 6. Pangkalan data 7. Integrasi/ interoperability dengan sistem legasi & luaran 8. Pendekatan pelaksanaan (berpusat, teragih, webhosting, dan sebagainya) 9. Kepakaran ICT yang ada 10. Potensi perkongsian pintar 11. Keupayaan pengurusan projek 12. <i>Project manageability (start small, grow as required)</i> 13. Hubungan dengan aplikasi kerajaan elektronik) 14. Ciri-ciri keselamatan	(Merangkumi semua Perkhidmatan teknikal. Contoh: Pembangunan sistem, pemasangan sistem, infrastruktur rangkaian, web-hosting, talian internet, kemasukan data, pemindahan data, migrasi sistem, pemulihan data) 1. Lihat keupayaan sumber manusia di agensi berbanding dengan perkhidmatan teknikal yang dipohon 2. Bandingkan kepakaran ICT sedia ada di agensi dengan permohonan perkhidmatan teknikal yang diperlukan 3. Justifikasi dan perincian setiap perkhidmatan yang diperoleh berserta perincian kos 4. Tempoh pelaksanaan setiap perkhidmatan	1. Keupayaan rangkaian sedia ada (LAN, WAN) 2. Spesifikasi dan rekabentuk yang dicadangkan 3. Hubungan dengan PCN (dalam di Putrajaya) 4. Hubungan dengan EGN (sekiranya rangkaian luas) 5. Keselamatan rangkaian (<i>firewall, router, switches, IPS, IDS</i>) 6. Ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan <i>Public Key Infrastructure (PKI)</i> 7. Gambarajah perbandingan antara rangkaian baru dan sedia ada.

Jadual 1: Keterangan Ciri-Ciri Mengikut Jenis Projek

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	19 daripada 25



TAJUK PERMOHONAN

BIL	ITEM	JUMLAH UNIT YANG DIPERLUKAN [a]	KOS PERUNIT (RM) [b]	JUMLAH ANGGARAN KOS (RM) [c]=[a]x[b]	JUMLAH KOS (%) [d]=([c]/[z])x100
A	PERKAKASAN (Nyatakan secara terperinci I setiap perkakasan yang terlibat)				
1					
2					
3					
4					
B	PERISIAN (Nyatakan secara terperinci setiap perisian yang terlibat)				
i	Perisian Sistem				
1					
2					
ii	Perisian Aplikasi				
1					
2					
C	RANGKAIAN				
1					
2					
D	PERKHIDMATAN				
1					
2					
3					
E	LAIN-LAIN				
1					
2					
	JUMLAH				100%

Jadual 2: Senarai Perolehan ICT Yang Dicadangkan

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	20 daripada 25



LAMPIRAN E


SLAID PEMBENTANGAN
BAGI PERMOHONAN KELULUSAN JPICT MoF/JTICT MAMPU

BIL	PERKARA	SLAID																
1	Pengenalan Projek	1 slaid																
	1.1 Nama Jabatan/Bahagian																	
	1.2 Nama Projek																	
	1.3 Skop,tujuan dan justifikasi																	
2	Latarbelakang Pengurusan Projek	1 slaid (buat dalam jadual)																
	2.1 Tarikh Kelulusan JPICT Agensi																	
	2.2 Kos Cadangan (RM) Pecahan kos (RM)																	
	2.3 i. Perkakasan (RM xxx)-% ii. Perisian (RMxxxx)-% iii. Perkhidmatan (RMxxxx)-% iv. ToT/Latihan (RMxxxx)-%																	
	2.4 Cadangan Sumber Peruntukan																	
	2.5 Cadangan Kaedah Perolehan																	
3	Latarbelakang Teknikal Projek	Maksimum 3 slaid																
	3.1 Senaraikan fasa projek (mengikut modul/fasa)																	
	3.2 Senarai modul yang akan dibangunkan (sekiranya berkaitan dengan pembangunan sistem) (Pembangunan Sistem Aplikasi atau perkhidmatan hendaklah disertakan dengan anggaran <i>man-days</i> Contoh pengiraan <i>man-days</i> adalah hari x anggaran kos;																	
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Sistem x</th> <th>Per-Mandays</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Modul A</td> <td>10 x 1,200.00</td> <td>12,000.00</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>Modul B</td> <td>15 x 1,200.00</td> <td>18,000.00</td> </tr> <tr> <td></td> <td></td> <td>Jumlah</td> <td>30,000.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Sistem x	Per-Mandays	Jumlah	1	Modul A	10 x 1,200.00	12,000.00	2	Modul B	15 x 1,200.00	18,000.00			Jumlah	30,000.00
	Bil		Sistem x	Per-Mandays	Jumlah													
1	Modul A	10 x 1,200.00	12,000.00															
2	Modul B	15 x 1,200.00	18,000.00															
		Jumlah	30,000.00															
3.3 Senarai perkakasan(sekiranya ada)																		
3.4 Senarai perisian(sekiranya ada)																		
4	Tempoh Pelaksanaan Projek Tarikh dan tempoh perancangan mengikut fasa.(Secara Carta Gantt)	1 slaid																
5	Maklumat Pengurus Projek - Nama - Email - Jawatan - No telefon & No Faks	1 slaid																

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	21 daripada 25



**RINGKASAN PENENTUAN PERINGKAT KELULUSAN BERDASARKAN HAD NILAI
PROJEK ICT**



CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	22 daripada 25

**GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA MEMOHON KELULUSAN
PROJEK ICT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)**



LAMPIRAN G

LAPORAN PROJEK ICT YANG DILULUSKAN DIPERINGKAT JPICT AGENSI

<Nama Agensi>

Suku Tahun: <Nyatakan>

Tahun: <Nyatakan>

Bil.	Nama Projek	Tujuan Projek	Jenis Permohonan	Aspek Permohonan	Kos (RM)		Tempoh			Sumber Peruntukan	Cara Pelaksanaan	Senarai Perolehan	Tarikh Lulus JPICT JKDM	Tarikh Lulus JPICT MoF	Status
					Anggaran	Sebenar	Tempoh	Tarikh Mula	Tarikh Siap						

Pegawai Penyelaras Projek yang boleh dihubungi

Nama	:	
No. Tel.	:	
No. Faks	:	
E-mel	:	

RUJUKAN

A. Jenis Permohonan

1. Projek Baru
2. Projek Peningkatan
3. Perluasan Projek
4. Tambahan Peralatan

B. Aspek Permohonan (boleh terdiri daripada beberapa aspek)

1. Perkakasan
2. Perisian/Aplikasi
3. Perkhidmatan ICT
4. Infrastruktur (Rangkaian)
5. Lain-lain (pohon dinyatakan)

C. Sumber Peruntukan

1. Projek-projek ICT di bawah RMKe-9
2. Projek-projek ICT Di Bawah Belanja Mengurus
3. Projek-projek ICT Di Bawah Konsesi
4. Projek-projek ICT Tanpa Menggunakan Peruntukan Kerajaan (contoh ePerolehan)

D. Cara Pelaksanaan

- | | |
|-------------------------------|------------------------------|
| 1. Inhouse | 5. Outsource-Sebutharga |
| 2. Outsource- Tender Terbuka | 6. Outsource-Pembelian Terus |
| 3. Outsource- Tender Terhad | 7. eBidding |
| 4. Outsource- Rundingan Terus | |

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	23 daripada 25



LAMPIRAN G

SENARAI PEROLEHAN ICT

BIL.	ITEM	JUMLAH UNIT YANG DIBELI	JUMLAH KOS (RM)
A	PERKAKASAN		
1			
2			
B	PERISIAN		
I	Perisian Sistem		
1			
2			
II	Perisian Aplikasi		
1			
2			
C	RANGKAIAN		
1			
2			
D	PERKHIDMATAN		
1			
2			
E	LAIN-LAIN		
1			
2			
	JUMLAH		

Nota: Senarai Perolehan ICT hanya perlu dikemukakan bagi pelaporan kali pertama sahaja.

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	24 daripada 25



**GARIS PANDUAN MENGENAI TATACARA MEMOHON KELULUSAN
PROJEK ICT JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)**

LAMPIRAN G

PROJECT IMPLEMENTATION REVIEW (PIR)

Bil	Nama Projek	Anggaran Kos (RM)	Tarikh kelulusan JPICT MoF	Status <i>PIR</i> <Bulan> <Tahun>	Peratusan Siap

CETAKAN	REVISI	TARIKH	M/SURAT
PERTAMA	Versi 1.0	11/06/2013	25 daripada 25